

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.31/10.13/39(3)

13 Februari 2018

**Pekeliling Pentadbiran Akademik Bil. 1/2018**

**LAPORAN TURNITIN UNTUK CADANGAN KAJIAN ( PROPOSAL ) &  
KAJIAN PENDIDIKAN ( RESEARCH STUDY ) BAGI PROGRAM SARJANA**

Fakulti Pendidikan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti Pendidikan pada 13 Februari 2018 (JKA Bil 02/2018) telah bersetuju dan memutuskan untuk **mewajibkan pelajar** mengemukakan **Laporan Turnitin** semasa menghantar Kertas Cadangan (Proposal) / Laporan Kajian Pendidikan (*Research Study*) ke Fakulti Pendidikan.

Pihak fakulti **berhak menolak atau tidak menerima** Kertas Cadangan (Proposal) / Laporan Kajian Pendidikan (*Research Study*) berkenaan jika ia tidak disertakan dengan **Laporan Turnitin** tersebut. Peratus *similarity* yang dibenarkan ialah 20% untuk setiap bab dan untuk keseluruhan laporan, proposal disertasi dan proposal tesis.

2. Perlaksanaan kaedah ini telahpun dilaksanakan bermula pada semester II sesi 2016/2017 lalu dan pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan arahan rasmi dan penguatkuasaannya di peringkat fakulti.

3. Sehubungan itu, semua staf akademik/penyelia dan pelajar diminta mengambil maklum mengenai perlaksanaan perkara ini. Sebarang kemosykilan, rujukan boleh terus dibuat kepada Timbalan Dekan Akademik dan Pembangunan Mahasiswa, Pengurus Akademik Pascasiswazah, Timbalan Pendaftar atau staf di Pejabat Akademik Fakulti Pendidikan.

Sekian, terima kasih.

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
13 Februari 2018